



STRATEGI BAIK HATI

Di sini terdapat beberapa strategi daripada beberapa orang pakar, yang boleh anda gunakan untuk memastikan persekitaran di sekolah anda lebih baik dan selamat. Sebagai sebahagian daripada komitmen anda untuk Minggu Baik Hati Kebangsaan, anda perlu melaksanakan TIGA strategi di sekolah anda tahun ini.

1. MENYOKONG MINGGU BAIK HATI KEBANGSAAN DENGAN MENYERTAINYA SETIAP TAHUN

Perubahan tidak boleh dilakukan dengan sekelip mata. Jadi pastikan sekolah anda menjalankan aktiviti baik hati pada setiap minggu pertama bulan April untuk memastikan budaya baik hati ini berterusan.

2. NYATAKAN SOKONGAN SEKOLAH TERHADAP KEMPEN #STANDTOGETHER

Minta semua orang di sekolah anda - pelajar, guru-guru serta kakitangan untuk membuat Aku Janji Baik Hati #StandTogether. Ini boleh dilakukan secara berkala semasa perhimpunan sekolah, dan anda juga boleh meletakkan poster aku janji tersebut di sekolah untuk mengingatkan setiap orang tentang komitmen mereka untuk mengamalkan amalan baik. Muat turun poster di standtogether.my/resources-strategies.

3. KONGSI SATU KISAH BERUNSUR KEBAIKAN SEWAKTU PERHIMPUNAN SETIAP MINGGU

Ambil masa 5 minit setiap kali perhimpunan untuk menonjolkan satu kebaikan yang telah dilakukan warga sekolah anda. Anda boleh menetapkan guru atau pemimpin pelajar untuk bantu mencari atau menerima laporan tentang kebaikan yang telah dilakukan setiap minggu.

4. WUJUDKAN SATU SISTEM PELAPORAN YANG SELAMAT DAN SULIT

Sediakan satu platform dalam talian yang sulit seperti menggunakan alamat e-mel atau Google Form, bagi membolehkan pelajar atau orang luar melaporkan kejadian buli. Pelajar mungkin rasa tidak selamat untuk melaporkan kes buli menggunakan sistem pelaporan fizikal. Pastikan semua kes disiasat, pelajar akan kehilangan kepercayaan kepada sistem tersebut sekiranya mereka merasa bahawa tindakan tidak diambil ke atas laporan yang telah dibuat.

5. UTAMAKAN SESI KAUNSELING SEBELUM MENGHUKUM

Ucapan yang baik serta kata-kata penuh empati lebih berkesan daripada memberi hukuman secara fizikal kepada golongan muda. Selain itu, kajian telah menunjukkan bahawa hukuman fizikal atau hukuman yang boleh malukan pesalah akan menggalakkan pelajar untuk melakukan keganasan. Untuk tip kaunseling, sila rujuk standtogether.my/resources-strategies.

6. MAKAN DENGAN PELAJAR DI KANTIN

Ayuh cikgu, kenali pelajar-pelajar anda sewaktu makan! Ini boleh mengubah hubungan di antara guru dan pelajar. Cuba secara baik untuk mengadakan perbualan yang tidak berkaitan dengan sekolah. Contohnya: cari persamaan di antara anda seperti hobi pada waktu lapang.

7. WUJUDKAN SATU “JAWATANKUASA BAIK HATI” YANG TERDIRI DARIPADA GURU DAN PELAJAR

Jawatankuasa ini boleh membantu menjalankan idea di atas, atau cari idea baru! Contohnya, wujudkan satu atau beberapa kumpulan terdiri daripada individu yang kita kenal rapat. Ahli kumpulan ini boleh membantu satu sama lain dengan memberi sokongan moral atau berkongsi kisah sesama mereka sahaja. Kami cadangkan untuk libatkan juga guru atau Pembimbing Rakan Sebaya.

8. TUKAR PERANAN MASING-MASING DI DALAM KELAS

Setiap minggu, seorang pelajar diberi masa 10 minit untuk mengajar sesuatu yang mereka sangat suka, di dalam kelas (dengan kehadiran cikgu juga!). Pelajar dan guru boleh merasai pengalaman berada di dalam kelas sebagai seorang guru dan pelajar. Ini membolehkan pelajar menambah keyakinan diri dan bersikap lebih terbuka. Aktiviti ini boleh dilakukan sewaktu kelas bagi mata pelajaran Sivik, atau bagi mengisi masa lapang sesudah minggu peperiksaan.

9. LAKSANAKAN KURIKULUM KECERDASAN EMOSI #STANDTOGETHER

Setiap minggu, ambil 15 minit untuk mengajar pelajar mengenai kecerdasan emosi dengan menggunakan pelan “Empathy Class” yang telah disediakan. (Muat turun di sini : standtogether.my/resources-strategies). Program Kelas Empati telah terbukti berjaya meningkatkan hasil pembelajaran, kebahagiaan seseorang, melahirkan individu yang berjaya serta mengurangkan kes buli.